

# Persepsi PM bakal tumbang helah PN tutup kelemahan, hilang sokongan Ahli Parlimen sendiri

- Dapat dihujahkan sekali lagi percaturan PN ini hanya untuk meyakinkan Ahli Parlimen mereka bahawa gabungan parti itu masih utuh

- PN perlu mencari kaedah lain untuk meredakan kemelut dalaman mereka kerana strategi diamalkan ini merugikan semua pihak



**Oleh Azmi Hassan**  
bhrencana@bh.com.my

Geostrategis dan  
Felo Kanan Akademi  
Penyelidikan Strategik  
Nusantara (NASR)

Demi memahami strategi pembangkang yang tidak pernah sunyi dengan dakwaan mereka sudah cukup sokongan Ahli Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan, analoginya ialah sama dengan strategi barisan peguam Donald Trump berhujah 'sebagai presiden, beliau mempunyai imuniti daripada sebarang dakwaan salah laku'.

Namun, hujah imuniti hanya sebagai strategi untuk melengahkan perbicaraan beliau sedang hadapi dengan pelbagai tuduhan dengan harapan perbicaraan tidak berjalan sebelum pemilihan Presiden Amerika

Syarikat (AS) 2024 pada November nanti.

Begitu juga strategi Perikatan Nasional (PN) bukan bermatlamat untuk menubuhkan Kerajaan Persekutuan, tetapi sebenarnya untuk menutup kelemahan mereka, terutama sekali dalam hal sokongan daripada Ahli Parlimen mereka sendiri dan juga kegagalan laksana tugas sebagai pembangkang.

Besar kemungkinan sokongan terbuka Ahli Parlimen BERSATU kelima iaitu Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendesak PN melakukan sesuatu untuk menyekat Ahli Parlimen PN lain mungkin mempunyai niat serupa.

Dari segi logiknya PN mempunyai 69 Ahli Parlimen begitu sukar untuk mendapat majoriti mudah 112 sokongan dalam Dewan Rakyat kerana mereka memerlukan sekurang-kurangnya 43 Ahli Parlimen dari blok kerajaan untuk berpaling tadah.

Sesuatu yang agak mustahil jika mengambil kira dua gabungan utama kerajaan, iaitu Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) adakah bersedia kalih sokongan mereka.

Sebab itu dapat dihujahkan sekali lagi percaturan PN ini hanya untuk meyakinkan Ahli Parlimen mereka bahawa gabungan parti itu masih utuh dan tidak perlu gusar dengan masa depan PN serta karier politik mereka terjamin menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Boleh diandaikan, sepatutnya selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) pada Ogos tahun lalu, PN menjadi lebih kuat dan menjadi tarikan kepada Ahli Parlimen kerajaan, akan tetapi apa yang tercetus adalah sebaliknya.

Walaupun lima Ahli Parlimen BERSATU mendakwa kekadang peruntukan kawasan adalah sebab

utama mereka berpaling tadah, tetapi hakikatnya kecelaruan dalaman PN adalah pendorong utama.

Pertembungan antara BERSATU dan PAS menjadi kemuncak ketika pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Kemaman pada Disember 2023 apabila timbul persepsi pencalonan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar sebagai calon Perdana Menteri jika PN berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan.

Ya berlaku beberapa minggu sebelum ini Pengerusi PN yang juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendakwa perlantikan Datuk Seri Hamzah Zainudin sebagai Ketua Pembangkang untuk mempersiapkan Hamzah mengambil alih jawatan Presiden BERSATU dan seterusnya menjadi calon Perdana Menteri PN.

Hakisan keyakinan kepemimpinan BERSATU juga mendorong lima Ahli Parlimen mereka berpaling tadah kerana kebelakangan ini parti itu dilihat hilang arah tujuan perjuangan susulan timbul persepsi PAS lebih berpengaruh dalam PN berbanding BERSATU.

Apa yang cuba ditonjolkan PN menerusi percaturan persepsi bakal berlaku pertukaran parti membentuk kerajaan baharu adalah dengan mendakwa kononnya kerajaan pimpinan Anwar tidak stabil disebabkan ada Ahli Parlimen kerajaan akan berpaling tadah.

Cuma bezanya lima Ahli Parlimen BERSATU berpaling tadah dibuat secara terbuka sementara Ahli

Parlimen kerajaan dikatakan akan menyokong PN masih tidak berani menyatakan secara umum.

Tidak menghairankan percaturan pertukaran kerajaan tercetus sebelum ini kerana kerajaan ketika itu mempunyai sokongan majoriti agak tipis. Namun, kali ini kerajaan memiliki sokongan 148 Ahli Parlimen.

Memang benar PN ingin menutup apa juga kelemahan mereka sebagai pembangkang yang sepatutnya menjadi kuasa semak dan imbang kepada kerajaan.

Dalam hal ini, tidak sukar untuk melihat PN tidak mampu melaksanakan tugas mereka sebagai pembangkang dalam erti kata sebenar dan cubaan untuk menutup segala kelemahan mereka akan pasti memakan diri sendiri.

Mahu tidak mahu, kerajaan terpaksa memberi perhatian terhadap serangan demi serangan persepsi bakal berlaku pertukaran kerajaan dan akhirnya tumpuan untuk mentadbir negara dan rakyat terencat.

Sesuatu perlu dilakukan untuk menghentikan percaturan yang bukan sahaja merugikan negara dan rakyat, tetapi juga PN serta kerajaan. PN perlu mencari kaedah lain untuk meredakan kemelut dalaman mereka kerana strategi diamalkan ini merugikan semua pihak.

Harapannya ialah PN patut menggunakan sistem proses pertukaran kerajaan secara sah tanpa mewujudkan situasi kekaburan, iaitu melalui Parlimen akan bersidang pada 26 Februari nanti.

Usulkan undi tidak percaya kepada Perdana Menteri ketika Anwar turut mencabar pembangkang melakukannya di Dewan Rakyat, selari dengan peruntukan Perlembagaan.

Jika terus menerus dengan persepsi dan kekaburan kerajaan akan tumbang pada bila-bila masa seperti dimainkan pembangkang ketika ini, ia bukan sahaja meresahkan rakyat, tetapi pelabur asing akan was-was untuk melabur.

Maka, PN perlu menjadi pembangkang sebenar iaitu berfungsi sebagai pihak semak dan imbang setiap dasar kerajaan. Jika semakan itu dilakukan dengan betul, maka imbang antara kerajaan dan pembangkang pasti akan wujud, iaitu peranan setara kedua-dua pihak dalam urusan pentadbiran negara.

Dalam masa tiga hingga empat tahun ini sehingga PRU16, rakyat pasti mampu menilai sama ada kerajaan atau pembangkang melaksanakan tugas diamanahkan.



Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH